

Operasi 24 jam halang kegiatan curi balak

TEMERLOH: Operasi Ramadan selama 24 jam sehari oleh Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Pahang berjaya menghalang kegiatan membawa keluar hasil hutan terutama balak secara haram di negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Paiz Kamaruzaman, berkata operasi secara berterusan, termasuk melakukan sekatan jalan raya pada malam dianggap berjaya membendung kegiatan berkenaan sepanjang Ramadan lalu sehingga cuti Aidilfitri.

"Pasukan penguat kuasa negeri dibahagikan kepada tiga kumpulan dan mereka melakukan tugas rondaan dan sekatan jalan raya secara bergilir membabitkan beberapa kawasan hitam di negeri ini.

"Unit penguat kuasa turut digerakkan di peringkat daerah dan bertanggungjawab melakukan rondaan dan serbuan jika terdapat aktiviti membawa keluar hasil hutan secara tidak sah," katanya kepada *Berita Harian* di sini.



MOHD RAFI MAMAT | BERITA HARIAN

KAKITANGAN Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Perhutanan Pahang memeriksa lori yang membawa muatan kayu balak di Maran.

Paiz berkata, operasi itu diadakan kerana sindiket membawa keluar hasil hutan, terutama kayu balak sebelum ini aktif sepanjang

Ramadan dan mereka menggunakan pelbagai helah dalam usaha mengaburi pihak berkuasa.

Katanya, penggunaan

tonto dianggap ancaman utama anggota penguat kuasa Jabatan Perhutanan negeri membendung kegiatan haram itu.